



Kritikan Sosial dalam Filem P. Ramlee

NUR NUHA ALIA BINTI NGADNAN

DR. NURSAFIRA LUBIS SAFIAN

JABATAN BAHASA & KESUSAstERAAN ARAB

KULLIYYAH ILMU WAHYU & SAINS KEMANUSIAAN

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA

nurnuhaalia@gmail.com

Pengenalan

Merupakan antara medium seni baharu yang muncul di abad ke-19 (Bordwell, Thompson: 2010).

Karya sastera yang memaparkan realiti kehidupan masyarakat (Al-Fatihah: 2014).

Filem

Dikategorikan sebagai seni hibrid yang menggabungkan pelbagai bidang seni dalam satu masa (seni lakon, muzik dan fotografi) (Dick: 2005).

Filem pertama dalam sejarah perfileman Melayu ialah “Leila Majnun” (1934) karya B.S Rajhans (Mustafar Abdul Rahim: 2019).

Penyataan Masalah

- Berdasarkan kajian-kajian lepas, terdapat kelompongan kajian terhadap kritikan sosial dalam filem.
- Kebanyakan kajian membincangkan kritikan sosial dalam puisi, novel, lagu, drama dan sebagainya.
- Majoriti kajian terhadap kritikan sosial dalam filem yang sedia ada ada pula lebih memfokuskan kepada filem pecah panggung sahaja.
- Terdapat lambakan filem Melayu tempatan yang memaparkan kehidupan mewah masyarakat dengan mengetepikan realiti sebenar masyarakat.

Objektif Kajian


- Objektif kajian dipaparkan seperti berikut:
 1. Mengkaji ketokohan P. Ramlee sebagai seorang seniman.
 2. Menghuraikan konsep kritikan sosial dalam karya sastera.
 3. Merumuskan kritikan sosial yang terdapat dalam filem P. Ramlee.

Kepentingan Kajian


- Kajian ini juga penting dalam:
 1. Memperbanyakkan kajian berkenaan sastera Melayu khususnya dalam seni perfileman.
 2. Mendedahkan sumbangan seniman agung P. Ramlee dalam memberi kesedaran kepada masyarakat melalui kritikan sosial yang dipaparkan dalam filem arahannya.
 3. Memperkenalkan filem Melayu di mata dunia melalui filem P. Ramlee.

Malay Film Productions Ltd.

Present



Batasan Kajian



Metodologi Kajian

Kaedah Deskriptif

- Melakukan penelitian terhadap bahan rujukan yang berkaitan dengan subjek kajian.

Kaedah Analisis


- Mengumpul data dengan menonton filem arahan P. Ramlee yang terpilih.
- Menganalisis kritikan sosial yang dikenal pasti dalam filem tersebut.

Perbincangan

Kritikan
Sosial

Kritikan

- Ulasan atau kata-kata tentang keburukan seseorang atau suatu kecaman (Kamus Dewan Edisi Keempat: 2005).
- Perbuatan mengasingkan/membezakan sesuatu yang baik daripada unsur yang buruk (Ibn Manzur: 1968).



Sosial

- Segala yg berkaitan dgn masyarakat, perihal masyarakat, kemasyarakatan.
- Proses untuk membuat penilaian terhadap tingkah laku manusia (Mana Sikana: 1998).

Kritikan Sosial

Tindakan menegur salah laku seseorang dengan membuat pertimbangan dan memberi penilaian terhadapnya (Ali Ahmad: 1994).

Tujuan:
Mewujudkan
perubahan sosial
(Supraja: 2018).

Memerlukan
pembacaan dan
pemahaman yang
mendalam.

Diperlihatkan melalui
pelbagai medium sama
ada tradisional atau
moden (Alifia Hanifah
Luthfi: 2020).

Analisis untuk pembaca
menilai sesuatu karya yang
digarap oleh seseorang
pengarang (Jakob Sumardjo,
Saini K.M: 1986).

Humor (komedi)
bertindak sebagai
kritikan yang
menggambarkan
keadaan masyarakat.



AL-FATIHAH
Seniman Agung
Tan Sri P. Ramlee A.M.N


OFF-ON

VOLUME

COLOR

CONTRAST

BRIGHT



Nama sebenar: Teuku Zakaria bin Teuku Nyak Putih
Nama dalam K/P: Ramlie bin Puteh @ P. Ramlee

Negeri kelahiran:
Pulau Pinang

Tarikh lahir:
22 Mac 1929



Tarikh kematian:
29 Mei 1973

Pendidikan:
Sekolah Melayu Kampung Jawa
Francis Light School
Penang Free School
Sekolah Jepun Nan Shio Koin
Kolej Angkatan Laut Jepun

Anugerah:
Festival Filem Asia Pasifik
- Pelakon Utama Lelaki Terbaik: Filem Dramatik (Hang Tuah)
- Komedi Terbaik (Pendekar Bujang Lapok)
- Bakat Serba Boleh (Ibu Mertuaku)

P. Ramlee & Kritikan Sosial



- Beliau mengarahkan sebanyak 34 buah filem.
- 18 daripadanya adalah bergenre komedi.
- 10 diterbitkan di Malay Film Productions (MFP), manakala 8 lagi menerusi Merdeka Filem Setudio.
- Filem komedi yang dihasilkan sarat dengan nilai moral, kritikan sosial, dan elemen pendidikan (Sinema Malaysia, 2016).
- Pelbagai anugerah bertaraf antarabangsa telah berjaya dirangkul menerusi filem komedi arahannya.
- “Apabila saya buat cerita komedi, skrip saya miskin dengan kata bual. Segala-galanya itu dibuat secara *on the spot* (spontan)” (P. Ramlee: 1966).

Kritikan Sosial dalam Filem P. Ramlee

1. Permasalahan rumah tangga yang terjadi dalam realiti kehidupan.

- Melakukan pelbagai helah untuk hidup berpoligami.
Situasi 1: Suami Tina menggunakan alasan agama (Gambar 1).

“...Kita orang Islam. Menurut undang-undang Islam boleh kahwin sampai empat sayang...”

“Oh! Pasal nak berbini ikut undang-undang Islam, ya? Pasal sembahyang, puasa, kenapa tak mahu ikut undang-undang Islam?”

Situasi 2: Jamil menipu isteri-isterinya untuk menyelamatkan diri (Gambar 2).

“Macam mana kau boleh berlanggar dengan lori tahi?”
“Berlanggar bohong Pak, bohong sunat!”



Gambar 1: Seniman Bujang Lapok



Gambar 2: Madu Tiga



Gambar 3: Bujang Lapok



Gambar 4: 3 Abdul

- Berhutang dalam perkahwinan
Situasi: Pergaduhan antara Pak Nyong dan isterinya (Gambar 3).
“...Waktu aku kahwin dulu dengan engkau, mak bapa kau minta wang sampai lima ribu. Aku tidak ada wang! Aku pinjam Benggali”.
- Mengahwinkan anak untuk memperoleh harta kekayaan
Situasi: Kasim Patalon menasihatkan Sadiq Segaraga yang sedang mengalami kerugian (Gambar 4).
“Bukankah tuan tahu, Allahyarham Ismet Ulam Raja ada meninggalkan banyak harta kepada Abdul Wahab, Abdul Wahib dan Abdul Wahub, kahwinkan saja anak tuan kepada mereka”.



Gambar 5: Nujum Pa' Blalang



Gambar 6: "Musang" Berjanggut

2. Kelemahan para pemerintah/majikan dalam memimpin rakyat/pekerja.

- Kurang pengetahuan asas
Situasi: Sultan Shahrul Nizam menyangka pukau itu senjata fizikal (Gambar 5).
"Oh! Beta fikir, pukau tu panjang-panjang macam pistol. Bukan ya?".
- Menyalahgunakan kuasa demi kepentingan sendiri
Situasi 1: Datuk Nikah Kahwin berkuasa mengubah undang-undang untuk tujuan peribadi (Gambar 6).
"... Tapi itu tak jadi apa. Sebab undang-undang dalam ini negeri kanda yang bikin. Itu semua boleh padam".



Gambar 7: Pendekar Bujang Lapok

Situasi 2: Pemilik penambang memotong barisan orang awam yang telah lama menunggu untuk menaiki sampan (Gambar 7).

“Pasal kau tak boleh naik, ini sampan aku yang punya. Kalau aku naik ini sampan, aku tidak mahu lain orang naik”.



Gambar 8: Ali Baba Bujang Lapok



Gambar 9: Ali Baba Bujang Lapok

3. Kepentingan pengurusan yang sistematik dalam sebuah organisasi (Gambar 8 dan 9).

- Menetapkan peraturan bekerja yang jelas kepada para pekerja.
Situasi: *Chief* menerangkan peraturan waktu bekerja yang baru kepada Sarjan yang ingin bekerja lebih masa.
“Sekarang kita sudah pakai undang-undang baru, hari Sabtu setengah hari, hari minggu holiday. Faham?”
- Pembayaran gaji yang adil dan saksama.
Situasi: Sarjan mempersoalkan jumlah gajinya kepada *Chief*.
“Kamu berapa banyak ambil IOU (surat pengakuan hutang) dah, 130.”



Gambar 10: Labu dan Labi



Gambar 11: Nasib Si Labu Labi

4. Penindasan pekerja oleh majikan

- Mengabaikan kebijakan pekerja

Situasi 1: Labu dan Labi mengadu tentang kepelitinan tuannya. (Gambar 10)

“Haji Bakhil ni punya bakhil sampai baju drebar ni pun saya kena pakai duit saya sendiri.”

“Apalah nak jadi kita ni, dah bertahun-tahun asyik tidur dekat serambi je”

Situasi 2: Haji Bakhil berlepas tangan ketika Labu dan Labi dipenjara akibat menuruti arahannya. (Gambar 11)

“Labi, sampai hati pak haji tak mahu tolong kita ya”.

Kesimpulan

- Berdasarkan perbincangan lepas, didapati filem komedi arahan P. Ramlee sememangnya sarat dengan kritikan sosial sama ada secara langsung atau tidak langsung.
- P. Ramlee berjaya mencipta identiti tersendiri melalui filem-filem komedi arahannya yang tidak hanya menghiburkan hati bahkan mengandungi kritikan yang kebanyakannya masih relevan sehingga ke hari ini.
- Masyarakat tidak pernah jemu menonton filem-filemnya yang memiliki kekuatan jalan cerita dan laras bahasa yang sesuai untuk tontonan umum.
- Filem-filemnya masih ditayangkan di stesen televisyen setiap minggu. Hal ini membuktikan bahawa permintaan terhadap filem P. Ramlee masih tinggi.

